

KUKTEM

Ke arah IPT bertaraf dunia

Oleh AIZAWATI AHMAD

KOLEJ Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) merupakan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pertama yang berpusat di Kuantan, Pahang. Universiti yang menjadi kebanggaan rakyat Pahang itu telah ditubuh dan diwartakan pada 16 Februari 2002 di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Fokus utama KUKTEM ialah untuk membangunkan sumber manusia dan teknologi yang relevan dengan keperluan industri kimia, petro-kimia, sumber asli serta industri pembuatan.

Sehubungan itu, bagi memenuhi kehendak pasaran semasa, KUKTEM menawarkan program akademik yang berasaskan kepada teknologi, kejuruteraan dan sistem komputer.

Malah KUKTEM juga berfungsi sebagai sebuah universiti pengajaran di mana tumpuan yang tinggi akan diberikan kepada pengajaran dan latihan.

KUKTEM mempunyai enam buah fakulti yang menawarkan kursus-kursus dari peringkat diploma, ijazah pertama, sarjana sehinggalah doktor falsafah (Ph.D).

Fakulti tersebut ialah Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam serta Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian.

Dalam bidang penyelidikan pula, universiti itu memberi tumpuan kepada penyelidikan gunaan dan projek-projek industri bersama industri setempat dalam usaha memperkayakan bidang pengajaran dan pembelajaran.

KUKTEM juga telah mewujudkan pusat-pusat kecemerlangan tersendiri bagi memantapkan kajian di bidang tersebut.

Empat pusat kecemerlangan yang diwujudkan ialah Pusat Pengurusan Penyelidikan, Pusat Pengajian Siswazah, Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemajuan serta Pusat Pendidikan Lanjutan dan Pembangunan Profesional.

Sementara itu, dalam satu sesi temu bual bersama *Utusan Malaysia*, baru-baru ini, Rektor KUKTEM, Dr. Mohammad Said Mat Lela memberitahu, dalam tempoh tiga tahun sejak pembukaan KUKTEM, universiti itu telah menggondol pingat perak dan gangsa sewaktu menyertai International



REKTOR KUKTEM, Prof. Dr. Mohd Said Mat Lela (berdiri tengah) bersama pensyarah-pensyarah kolej universiti itu yang berjaya merangkul 11 pingat iaitu dua emas, lima perak dan empat gangsa semasa majlis penghargaan kepada pemenang-pemenang anugerah di pameran R&D IPTA 2005 baru-baru ini.

Invention, Innovation, Industrial Design and Technology Exhibition (ITEX 2005) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di Kuala Lumpur pada 19 hingga 21 Mei lalu.

"Penyertaan pertama kali KUKTEM pada pertandingan itu telah membuahkan hasil apabila kita memenangi pingat perak menerusi pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Ahmad Ziad Sulaiman dan Profesor Madya Dr. Rosli Abu Bakar dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal," katanya.

Namun begitu, menurutnya, kejayaan paling besar yang telah mengharumkan nama KUKTEM ialah pada Pameran Bioteknologi Asia 2005 yang juga diadakan di PWTC pada 16 hingga 18 Ogos lalu apabila universiti itu berjaya memperoleh satu

pingat emas, satu pingat perak dan dua pingat gangsa.

Jika diukur dari segi pengalaman dan usia, KUKTEM merupakan sebuah universiti yang masih baru, tetapi memiliki kemudahan makmal penyelidikan dan pengajaran yang setanding dengan institusi pengajian tinggi awam lain.

Universiti itu mempunyai infrastruktur yang tercanggih di pantai timur dengan kemudahan makmal *clean room* yang moden.

Selain itu, KUKTEM turut memiliki makmal automotif, makmal elektrik dan elektronik serta makmal sivil dan alam sekitar yang lengkap dengan peralatan terkini.

KUKTEM juga tidak terkecuali daripada menyimpan impian untuk menempatkan universiti

itu sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang bertaraf dunia dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Bagi mencapai hasrat itu, usaha perancangan jangka panjang telah pun dirangka di mana KUKTEM berhasrat menjadikan bidang penyelidikan sebagai katalis bagi membangunkan universiti tersebut menjadi sebuah IPT bertaraf dunia.

Bagaimanapun, hasrat ini tidak akan menjadi realiti jika kerjasama dari semua pihak iaitu kecemerlangan staf akademik, kemantapan pengurusan kakitangan dan sokongan dari kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat tidak diperoleh. Ini kerana tanpa usaha secara bersama tidak mungkin hasrat tersebut boleh tercapai.